

16 NOV 2001

Mahathir-Bush

DR MAHATHIR HANTAR SURAT GESA BUSH HENTI PENGEBOMAN DI AFGHANISTAN

KUALA LUMPUR, 16 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata jika Amerika Syarikat mahu memerangi regim Taliban di Afghanistan, ia patut menggunakan pasukan darat dan bukannya serangan udara.

Katanya beliau telah menghantar surat kepada Presiden Amerika George W. Bush untuk menyatakan pendapatnya mengenai betapa pentingnya pengeboman di Afghanistan dihentikan.

Dr Mahathir berkata beliau telah menulis kepada Bush dan menyatakan bahawa serangan udara dan pengeboman dari jauh patut dihentikan dan pasukan darat harus dihantar untuk memerangi Taliban bagi mengurangkan kemusnahan dan menepati sasaran yang dituju.

"Pasukan darat boleh merupakan Pakatan Udara atau mana-mana pihak kerana pasukan darat boleh mengurangkan kemusnahan untuk menyelamatkan mereka yang tidak berdosa daripada terkorban," katanya kepada pemberita selepas merasmikan satu persidangan mengenai keganasan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Ditanya mengenai kemungkinan penguasaan Taliban di Afghanistan akan berakhir lebih awal lagi ekoran kejayaan Pakatan Udara, Dr Mahathir berkata beliau berharap dan berdoa mereka akan berjaya tanpa banyak mengorbankan nyawa orang yang tidak berdosa.

Dr Mahathir berkata jika keganasan hendak dihapuskan, seseorang itu hendaklah mencari punca dan sebab bagi tindakan sedemikian dan satu daripada perkara itu ialah menyelesaikan isu Palestin.

Sambil membidas tindakan tentera Israel terhadap Palestin, Dr Mahathir berkata Israel sepatutnya mengiktiraf Palestin sebagai sebuah negara.

"Masing-masing (Israel dan Palestin) menggunakan taktik ganas mereka dan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu patut masuk campur untuk memisahkan mereka. Tentera PBB harus dibenarkan memisahkan mereka secara paksa.

"Israel sepatutnya tidak menerbangkan helikopternya di Palestin dan melancarkan roket ke Palestin. Tindakan sedemikian merupakan satu tindakan ganas. Mereka (Israel) hanya memburukkan lagi keadaan.

"Orang Arab mengiktiraf Israel dan Israel seharusnya mengiktiraf rakyat Palestin," katanya.

Dr Mahathir juga berkata tindakan Israel terhadap Palestin tidak akan membantu dunia untuk membanteras keganasan.

Ditanya mengenai fatwa agama berhubung keganasan, Perdana Menteri berkata ada orang tertentu menggunakan agama untuk kepentingan politik.

"Kita ada Majlis Fatwa Kebangsaan yang diiktiraf kerajaan dan juga rakyat tetapi ada orang yang guna agama untuk kepentingan diri mereka. (mereka) tidak hendak iktiraf hak Majlis Fatwa sahaja membuat fatwa.

"Mereka hendak buat fatwa sendiri untuk mencapai kepentingan mereka. Sebab itu mereka buat fatwa dan pengikut-pengikut mereka percaya mereka berhak buat fatwa," katanya.

Umpamanya, beliau berkata ada orang tertentu mengisytiharkan jihad dan ini adalah perkara serius dan fatwa tidak boleh dibuat sewenang-wenangnya.

Katanya jika ada fatwa berhubung keganasan, ia harus datang daripada satu sumber dan ia tidak boleh dibuat oleh seorang sahaja tetapi sekumpulan orang yang bukan sahaja arif tentang agama tetapi juga mengenai perkembangan dan keadaan dunia.

Ditanya mengenai satu laporan media Thai semalam yang berkata Malaysia telah menekan Myanmar supaya memecat jeneral dan anggota kabinetnya, Dr

Mahathir berkata laporan itu tidak benar sama sekali.

Katanya Malaysia secara umumnya bekerjasama dengan kerajaan Myanmar mengenai proses demokrasi.

"Mereka mahu mendemokrasikan sistem mereka bagaimanapun mereka tidak tahu bagaimana untuk melakukannya. Kita hanya menunjukkan mereka. Itu keputusan mereka (untuk pecat) dan tidak ada kena mengena langsung dengan kita," katanya.

Para pemimpin tentera Myanmar memulakan perbincangan damai dengan pemimpin pembangkang Aung San Suu Kyi lebih setahun lepas untuk mengembalikan demokrasi di negara itu.

-- BERNAMA

DC HS JK RON